

03 FEB 2000

PANTAI-MESYUARAT/I

PANTAI HOLDINGS NAK REALISASIKAN PELABURAN DLM TONGKAH DAN AVENUE ASSETS

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Dengan suasana ekonomi negara yang semakin pulih, Pantai Holdings Bhd merancang untuk merealisasikan sepenuhnya pelaburannya dalam Tongkah Holdings Berhad dan Avenue Assets Berhad, kata pengerusi eksekutifnya Mokhzani Mahathir.

Pelaburan dalam kedua-dua syarikat itu dibuat sebelum krisis ekonomi menerusi anak syarikat milik penuhnya, Pantai Investments (Cayman) Ltd.

Anak syarikat Pantai Investments (Cayman) Ltd, Maxgold Investments Group Limited memperolehi 26.8 juta saham RM1 setiap satu dalam pasaran terbuka mewakili anggaran 16.78 peratus pegangan Tongkah bagi pertimbangan tunai RM108.8 juta.

Pantai Investment juga memperolehi 32.3 juta saham RM1 setiap satu dalam pasaran terbuka dan 10 juta saham berdasarkan pada jual-beli dari broker yang sama, mewakili anggaran 28.15 peratus daripada Avenue Assets, yang sebelum ini dikenali sebagai Phileoland Berhad, pada harga yang dipertimbangkan sebanyak RM222.1 juta.

"Langkah kami seterusnya adalah untuk merealisasikan sepenuhnya pelaburan dalam kedua-dua syarikat tersebut (Tongkah dan Avenue Assets)," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung luar biasa, di sini, hari ini.

Kedua-dua Tongkah dan Avenue Assets terbabit dalam pelbagai kegiatan daripada pembuatan, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan penjagaan kesihatan hinggalah kepada pembangunan hartanah.

Mokhzani juga berkata syarikat itu merancang untuk menjual sebahagian daripada hartanah Avenue Assets untuk mengurangkan pinjamannya. Beliau berkata mereka telahpun mengadakan rundingan dengan beberapa pihak berhubung perkara itu.

"Dengan menjual sebahagian daripada hartanahnya (Avenue Assets), kami boleh mengurangkan pinjamannya kepada RM150 juta daripada kira-kira RM500 juta dalam tempoh enam bulan yang akan datang," katanya.

Sementara itu, mengenai prestasi Pantai, Mokhzani berkata syarikat itu menjangkakan keputusan yang lebih baik bagi perniagaan berkaitan penjagaan kesihatannya dengan menumpukann kepada tiga bahagian berasingan iaitu hospital swasta, perkhidmatan sokongan dan penjagaan kesihatan.

Beliau berkata syarikat itu mempunyai potensi untuk terus berkembang dalam perniagaan berkaitan penjagaan kesihatan termasuklah mengembangkannya ke kawasan di luar Lembah Klang.

"Kami sedang meninjau beberapa peluang untuk membina hospital swasta di seluruh negara dan kami telahpun menerima beberapa tawaran," tambahnya.

-- BERNAMA

WNZ ZK MA